



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **100-4/10 Jld.(5)/(31)**

Tarikh : **02 Julai 2021**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil,  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Negeri,  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan.

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

### **PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 11 TAHUN 2021 TATACARA PELAKSANAAN SUMBANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI KEPADA TABUNG BENCANA NEGERI (COVID-19) SABAH**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA).

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1. Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bilangan 9 Tahun 2021 telah memutuskan agar Penjawat Awam Negeri Gred 29 dan ke atas turut menyumbang kepada Tabung Bencana Negeri (COVID-19) Sabah melalui pengurangan sebahagian dari ITK dan ITKA.
- 2.2. Justeru, Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan PPNS tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

...2/-

**“SABAH MAJU JAYA”**



**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 11 TAHUN 2021 02 Julai 2021**

**3. KAEDAH PEMBAYARAN**

- 3.1 Pengurangan ITK dan ITKA akan dibuat secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) berdasarkan kadar pengurangan ITK dan ITKA di Perenggan 5 PPNS Bil. 9/2021 dan rekod jawatan pegawai dalam SGP.
- 3.2 Pelaksanaan pengurangan daripada ITK/ITKA semasa adalah selama 2 (dua) bulan bermula pada bulan **Julai 2021**.
- 3.3 Pengurangan ini hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji/ tiada rekod pada bulan Julai 2021 dan Ogos 2021 tetapi terlibat dengan pengurangan ITK dan ITKA, Jabatan hendaklah menyediakan input potongan melalui Sistem E-Pay A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan (Lampiran 1 PBNS Bil 11/2020).

**4. KOD POTONGAN**

- 4.1 Kod potongan Pengurangan ITK dan ITKA adalah seperti berikut:

<b>KOD AKAUN</b>	<b>KOD SGP</b>	<b>SINGKATAN</b>	<b>PERIHAL</b>
K75 111 150101 758003 00000000 00000	799	TBCOV-19	TABUNG BENCANA (COVID-19) NEGERI

**5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 5.1. Pusat Kawalan Sistem Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama yang terlibat dalam pengurangan ITK dan ITKA kepada semua Kementerian/Jabatan di bawah SGP termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.

...3/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 11 TAHUN 2021 02 Julai 2021**

5.2. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan pengurangan ITK dan ITKA setiap anggota masing-masing adalah teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil. 9/2021.

**6. PELAKSANAAN DI PERINGKAT BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI**

6.1 Bagi Badan Berkanun Negeri (PBB) dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri (PBT) yang turut melaksanakan pengurangan ITK dan ITKA, agensi berkenaan hendaklah memasukkan / memindahkan wang potongan pengurangan ITK dan ITKA ke akaun bank Jabatan Bendahari Negeri (JBN) dan melengkapkan borang JBN.08 Penyata Pemungut berserta slip pembayaran dan diserahkan kepada Seksyen Pengurusan Dana, JBN.

6.2 Maklumat akaun bank bagi tujuan pemindahan wang potongan pengurangan ITK/ITKA ke akaun JBN ialah seperti berikut :

Akaun Bank : Alliance Bank Malaysia Berhad  
Nama Akaun : Bendahari Negeri Sabah  
No. Akaun : 101960010025301

**7. PENUTUP**

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan, JBN melalui telefon 088 - 368516.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATIN MARY ANGELA SIPAUN, C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)**  
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
Peti Surat 128  
**88592 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

...4/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 11 TAHUN 2021 02 Julai 2021**

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian, Jln Tasik  
Beg Berkunci 2050  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p : Ketua Akauntan)

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Blok A, Tingkat 8  
Pusat Kawalan Sistem Perakaunan  
PPNS, Jalan Sulaman, Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**  
u.p : Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos

ZAY/JA

**“SABAH MAJU JAYA”**